

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 30 September 2025 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 30 September 2025 melainkan jika dinyatakan

Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana Urus aims to maximise medium-to-long term returns by investing in Shariah-compliant equities, sukuk and Islamic money market instruments through Takafulink funds and Islamic collective investment schemes (CIS).


Takafulink Dana Urus bertujuan untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka masa sederhana ke panjang dengan melabur dalam ekuiti patuh Syariah, sukuk dan instrumen pasaran wang Islam melalui dana-dana Takafulink dan skim-skim pelaburan kolektif Islam (CIS).

Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / Pengurus Pelaburan	Prudential BSN Takaful Berhad
Inception Date / Tarikh Diterbitkan	01/12/2006
Current Fund Size / Saiz Dana Terkini	RM717,072,945.19
Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.30% per annum
Current NAV / NAB Terkini	RM2.49493

How the Fund has performed / Prestasi Dana

Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana
Takafulink Dana Urus Vs. 80% FTSE Bursa Malaysia
EMAS Shariah Index (FBMS) + 20% Maybank 12-month
Islamic Fixed Deposit-i rate




Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	2.45%	4.09%	6.70%	2.31%	21.68%	9.38%	149.49%
Benchmark / Penanda Aras	2.56%	4.15%	6.70%	-0.90%	18.00%	-2.74%	69.80%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	-0.11%	-0.06%	0.00%	3.21%	3.68%	12.12%	79.69%

Source / Sumber: Lipper for Investment Management and Bloomberg, 30 September 2025

Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation Peruntukan Aset

	% NAV
1 Takafulink Dana Ekuiti	63.55
2 Takafulink Dana Sukuk	20.60
3 United-i Malaysia Equity Fund	11.16
4 United-i Malaysia Discovery Fund	4.69

Takafulink Dana Ekuiti Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 Tenaga Nasional Berhad	8.38
2 Gamuda Berhad	6.69
3 Telekom Malaysia Berhad IHH	5.76
4 Healthcare Berhad	5.35
5 PETRONAS Gas Berhad	4.85
6 SD Guthrie Berhad	3.88
7 Malayan Cement Berhad	3.40
8 TIME dotCom Berhad	3.28
9 IJM Corporation Berhad Press	3.26
10 Metal Berhad	3.12

Takafulink Dana Sukuk Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 Infracap Resources S B	3.09
2 Sarawak Energy Berhad	2.79
3 DanaInfra Nasional	2.50
4 AEON Credit Service (M)	2.22
5 Gamuda Berhad	1.90
6 Danum Capital Berhad	1.80
7 AmlIslamic Bank Berhad	1.76
8 Edra Energy Sdn Bhd	1.70
9 PONSBB Capital Berhad	1.69
10 Projek Lebuhraya Usaha	1.65

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 30 September 2025 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 30 September 2025 melainkan jika dinyatakan

Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

Equity Market Review

September turned out to be better than expected for Malaysian equities, with the FBM Emas Shariah Index reporting a gain 3.15% for the month. During the month, the RON95 subsidy rationalization was rolled out by the government effective 30 September 2025. RON95 is now priced at RM1.99/litre for Malaysians with a MyKad and a valid driver's license, with a monthly quota of 300 litres per eligible recipient. The first few days of implementation seem to be fairly smooth. In September, Malaysia recorded a net foreign buying of RM76 million in equities; however, by the end of September 2025, it was still seeing net foreign outflow of RM16.4b. Foreign shareholding (by market capitalization) slipped to 18.7% in September. The FBM Emas Shariah Index closed the month at 12,016.55, up 3.15% mom. The FBM Small Cap Shariah index was up 7.06% for the month and outperformed the FBM Emas Shariah Index.

Market Outlook

The month of October should be a fairly eventful, with Budget 2026 scheduled for announcement on the 10 October 2025. We are expecting this Budget to be fairly consumer friendly, with perhaps more insight provided on how they will roll out RON95 targeted subsidy in the future to reduce the T10 income groups eligibility. Malaysia may also be in the limelight again as we will be hosting another ASEAN Summit in October 2025, to which US President Trump had indicated that he would be attending. Domestically, Malaysia is in a favourable position with relatively stable politics compared to some of our other ASEAN peers. The economy continues to be supported by the FDI being realized, domestic direct investments, strong construction activities, solid consumption growth and robust tourism activities. The domestic equity market remains flush with liquidity and dividend yield is attractive. We see any market weakness as opportunities to accumulate fundamentally strong stocks at attractive valuations.

Fixed Income

The Malaysian Government Securities ("MGS") yield curve bear flattened as yields climbed in September, led by 14bps increase at the front end of the curve while the 10-year and 30-year adjusted higher by 7bps and 4bps respectively, on profit taking activity as we approach the final quarter of the year. Weak auction for government bonds with strong supply of corporate issuances also pushed yields higher. Meanwhile QoQ, yields were generally higher, save for 3-year which was marginally lower, as well as 10-year and 30-year which moved down -1bps and -15bps respectively. The 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- and 30-year benchmarks closed at 3.15% (+14bps), 3.25% (+14bps), 3.43% (+12bps), 3.47% (+7bps), 3.70% (+8bps), 3.82% (+7bps) and 3.92% (+4bps), respectively in September. Meanwhile, credit spreads generally narrowed, with the short end experiencing the most significant compression as 3-year to 5-year tenures narrowed between -7bps to -14bps across all rating bands. There was slight widening of spreads for 10-year AAAs (+3bps) and AA2 (+2bps), as well as 15-year GGs (+3bps). With strong pipeline of new issuances, credit spreads are expected to widen once MGS yields stabilize. 1H2025 GDP grew 4.4%, driven by robust domestic consumption, investment and the construction sector, demonstrating Malaysia's resilience amidst global uncertainties, supported by robust domestic demand and structural reforms. This was within revised official projection of 4.0%-4.8% in 2025, though projections have been revised down from earlier forecast of 4.5%-5.5% due to tariffs and trade uncertainties. In August, headline inflation edged up to 1.3% YoY (July: 1.2%) fueled by growth in restaurants & hotels, food & beverages, insurance & financial services, as well as personal care. However, it remained below BNM's earlier guidance of between 1.5%-2.3% in 2025 with limited inflationary pressures from global commodity prices. Meanwhile, core inflation also inched higher to 2.3% yoy. The targeted RON95 petrol subsidy was rolled out for all eligible Malaysians on 30 September 2025, providing a quota of 300 liters of petrol at lower subsidized price of RM1.99 per liter vs the earlier price of RM2.05 per liter, with exception for certain eligible drivers/commercial vehicles. The targeted subsidy rollout is expected to save the Government between RM2.5bil to RM4bil per annum, (equivalent to 0.1%-0.2% of GDP), while being disinflationary in nature given the generous quota provided. Bank Negara Malaysia ("BNM") held overnight policy rate ("OPR") unchanged at 2.75% in its 4 Sep 2025 MPC meeting, viewing the rate appropriate to balance growth with price stability. The statement also adopted a more constructive tone, noting that conclusion of tariff negotiations helped reduce global uncertainty. BNM is expected to adopt a data-dependent approach (trade performance and GDP growth figures) going forward. S&P affirmed Malaysia's sovereign credit rating at A-/Stable on 19 September underpinned by consistently strong economic growth and high degree of monetary policy flexibility. Meanwhile, external position is balanced, characterized by moderate current account surpluses and a large export base. Budget 2026 signals continued fiscal consolidation with the deficit narrowing to 3.5% of GDP (RM74.6bn) from 3.8% in 2025 (RM76.7bn), and despite a tighter fiscal stance, total gross MGS and GII issuance is projected to rise to RM183bn next year (from revised RM170.5bn) on larger maturity profile of RM108.7bn. Net supply however, is expected to ease to RM75bn (vs RM87bn in 2025) as new funding needs moderate. From a fixed income market standpoint, this suggests a manageable supply backdrop despite higher gross issuance, with no major refinancing or FX-debt risk expected. With fiscal discipline intact and a credible consolidation path toward a 3% deficit by 2028, the outlook remains supportive for medium- to long-duration government bonds, though supply absorption will still hinge on investor appetite and foreign demand stability. Meanwhile, we are of the view that BNM will keep its OPR unchanged at 2.75% given the Government's stable growth outlook, manageable inflationary pressure and mildly expansionary budget with demand supportive measures.

Fund Review & Strategy

The Fund returned 2.45% for the month, underperforming the benchmark return of 2.56% by 0.11%. Year-to-date, The Fund returned 0.41%, outperforming the benchmark return of -3.21% by 3.62%. Underperforming the benchmark return of -5.63% by 3.64%. The underperformance in Aug was mainly due to the underperformance in the equity portion against its benchmark.

Ekuiti Tinjauan Bulanan

September ternyata lebih baik daripada jangkaan buat ekuiti Malaysia, dengan Indeks FBM Emas Shariah melaporkan keuntungan sebanyak 3.15%. Pada bulan tersebut, rasionalisasi subsidi RON95 telah dilaksanakan oleh kerajaan, berkuat kuasa mulai 30 September 2025. RON95 kini berharga RM1.99 seliter buat rakyat Malaysia yang mempunyai MyKad dan lesen memandu yang sah, dengan kuota bulanan 300 liter bagi setiap penerima yang layak. Pelaksanaan pada beberapa hari permulaan kelihatan lancar. Malaysia merakamkan belian asing bersih dalam ekuiti sebanyak RM76 juta pada bulan September, namun Malaysia masih mencatat aliran keluar bersih asing YTD sebanyak RM16.4 bilion pada akhir September 2025. Pegangan saham asing (mengikut permodalan pasaran) susut kepada 18.7% pada bulan September. Indeks FBM Emas Shariah menutup bulan pada 12,016.55, naik 3.15% MoM. Indeks FBM Small Cap Shariah meningkat 7.06% pada bulan ini dan mengatasi prestasi Indeks FBM Emas Shariah.

Gambaran Bulanan

Bulan Oktober kelihatan agak sarat dengan peristiwa, di samping pengumuman Belanjawan 2026 dijadualkan pada 10 Oktober 2025. Kami menjangkakan Belanjawan ini secara wajarnya mesra pengguna, mungkin lebih banyak maklumat tentang pelaksanaan subsidi bersasar RON95 pada masa hadapan dapat dikongsikan untuk mengecikan kelayakan kumpulan pendapatan T10. Malaysia juga mungkin menjadi tumpuan sekali lagi kerana kita akan menganjurkan satu lagi Sidang Kemuncak ASEAN pada Oktober 2025, yang mana Presiden AS Trump telah menyatakan hasratnya untuk hadir. Dalam negara, Malaysia berada pada kedudukan yang baik dengan politik yang stabil berbanding beberapa rakan seangkatan ASEAN kita yang lain. Ekonomi terus disokong oleh FDI, pelaburan langsung domestik, aktiviti pembinaan yang rancak, pertumbuhan penggunaan yang kukuh dan aktiviti pelancongan yang mantap. Pasaran ekuiti domestik kekal dengan kecairan yang mengucur manakala hasil dividen menarik. Kami berpandangan bahawa apa-apa

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 30 September 2025 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 30 September 2025 melainkan jika dinyatakan

kelemahan pasaran sebagai peluang untuk mengumpul stok berasas kukuh pada penilaian yang menarik.

Pendapatan Tetap Tinjauan Bulanan

Keluk hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia ("MGS") merosot apabila hasil meningkat pada bulan September, diterajui oleh kenaikan 14 mata asas pada bahagian hadapan keluk manakala hasil 10 tahun dan 30 tahun masing-masing dilaraskan lebih tinggi sebanyak 7 mata asas dan 4 mata asas, berikutan aktiviti pengambilan untung sebaik kita menghampiri suku terakhir tahun ini. Kelemahan lelongan bon kerajaan dengan penawaran terbitan korporat yang mantap juga mendorong hasil ke paras yang lebih tinggi. Sementara itu, hasil QoQ umumnya lebih tinggi, kecuali hasil QoQ 3 tahun yang lebih rendah sedikit, di samping hasil 10 tahun dan 30 tahun masing-masing turun -1 mata asas dan -15 mata asas. Penanda aras 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- dan 30 tahun masing-masing ditutup pada 3.15% (+14 mata asas), 3.25% (+14 mata asas), 3.43% (+12 mata asas), 3.47% (+7 mata asas), 3.70% (+8 mata asas), 3.82% (+7 mata asas) dan 3.92% (+4 mata asas) pada bulan September. Sementara itu, spread kredit secara amnya mengecil, dengan jangka pendek mengalami mampatan paling ketara apabila tempoh 3 tahun hingga 5 tahun mengecil antara -7 mata asas hingga -14 mata asas meliputi semua jalur penarafan. Terdapat sedikit pelebaran spread bagi AAA 10 tahun (+3 mata asas) dan AA2 (+2 mata asas), serta GG 15 tahun (+3 mata asas). Dengan ketersediaan terbitan baharu yang kukuh, maka spread kredit dijangka akan melebar apabila hasil MGS menjadi stabil. KDNK 1H2025 meningkat 4.4%, didorong oleh penggunaan isi rumah, sektor pelaburan dan pembinaan, menunjukkan daya tahan Malaysia menempuh keadaan ketidaktentuan global, disokong oleh permintaan domestik yang teguh dan pembaharuan struktur. Ia berada dalam unjuran rasmi 4.0% hingga 4.8% yang dirombak bagi tahun 2025, meskipun unjuran telah disemak turun daripada unjuran awal 4.5% hingga 5.5% lantaran ketidaktentuan tarif dan perdagangan. Pada bulan Ogos, inflasi utama meningkat sehingga 1.3% YoY (Julai: 1.2%) didorong oleh pertumbuhan dalam restoran & hotel, makanan & minuman, perkhidmatan insurans & kewangan, serta penjagaan diri. Bagaimanapun, ia kekal di bawah panduan awal BNM antara 1.5% hingga 2.3% bagi tahun 2025 dengan tekanan inflasi yang terhad daripada harga komoditi global. Sementara itu, inflasi teras juga meningkat kepada 2.3% YoY. Subsidi petrol RON95 yang disasarkan telah dilaksanakan buat semua rakyat Malaysia yang layak pada 30 September 2025, dengan pemberian kuota 300 liter petrol pada harga subsidi yang lebih rendah iaitu RM1.99 seliter berbanding harga RM2.05 seliter sebelum ini, namun pemandu/ kenderaan komersial yang tertentu dikecualikan. Peluncuran subsidi yang disasarkan ini dijangka dapat menjimatkan Kerajaan antara RM2.5 bilion hingga RM4 bilion setahun, (bersamaan dengan 0.1% hingga 0.2% daripada KDNK), sambil berciri disinflasi lantaran limpahan kuota yang disediakan. Bank Negara Malaysia ("BNM") mengekalkan kadar dasar semalaman ("OPR") pada 2.75% dalam mesyuarat MPC 4 Sep 2025, mengambil kira kadar yang sesuai untuk mengimbangi pertumbuhan dengan kestabilan harga. Nada kenyataan itu juga kedengaran lebih membina, dengan menyatakan bahawa kesimpulan rundingan tarif telah membantu mengurangkan ketidaktentuan global. BNM dijangka menggunakan pendekatan yang bergantung kepada data (prestasi perdagangan dan angka pertumbuhan KDNK) melangkah ke hadapan. S&P mengesahkan penarafan kredit kerajaan Malaysia pada A-/ Stabil pada 19 September, disokong oleh pertumbuhan ekonomi yang kukuh secara konsisten dan tahap fleksibiliti dasar monetari yang tinggi. Sementara itu, kedudukan luaran adalah seimbang, dicirikan oleh lebihan akaun semasa yang sederhana dan asas eksport yang besar. Belanjawan 2026 mengisytiharkan kelangsungan penyatuan fiskal dengan defisit mengecil kepada 3.5% daripada KDNK (RM74.6 bilion) berbanding 3.8% pada tahun 2025 (RM76.7 bilion), dan meskipun pendirian fiskal yang lebih ketat, namun jumlah kasar terbitan MGS dan GII diunjurkan akan meningkat kepada RM183 bilion tahun depan (daripada RM170.5 bilion yang dirombak) lantaran profil matang yang lebih besar pada tahun hadapan berjumlah RM108.7 bilion. Namun begitu, bekalan bersih dijangka akan berkurangan kepada RM75 bilion (berbanding RM87 bilion pada 2025) kerana keperluan pembiayaan baharu menyederhana. Dari sudut pasaran pendapatan tetap, ini menunjukkan latar belakang bekalan yang terurus walaupun terbitan kasar lebih tinggi, di samping pembiayaan semula yang besar atau risiko hutang FX tidak dijangkakan. Dengan disiplin fiskal yang utuh dan laluan penyatuan yang dipercayai mengarah kepada defisit 3% menjelang 2028, maka prospek bon kerajaan jangka sederhana hingga panjang tetap cerah, walaupun penyerapan bekalan masih bergantung pada selera pelabur dan kestabilan permintaan asing. Sementara itu, kami berpendapat bahawa BNM akan mengekalkan OPR yang tidak berubah pada 2.75% memandangkan prospek pertumbuhan Kerajaan yang stabil, tekanan inflasi yang terurus dan belanjawan yang sedikit mengembang di samping langkah-langkah yang menyokong permintaan.

Tinjauan dan Strategi Dana

Dana menyajikan pulangan 2.45% pada bulan ini, tidak mengatasi pulangan penanda aras 2.56% dengan perbezaan 0.11%. Sejak awal tahun sehingga kini, Dana menguncup sebanyak -0.41%, mengatasi pulangan penanda aras -3.21% dengan perbezaan 3.62%. Prestasi lesu pada bulan September disebabkan terutamanya oleh pencapaian bahagian ekuiti yang prestasi rendah berbanding penanda arasnya.

Source / Sumber: Fund Commentary, September 2025, Eastspring Al-Wara' Investments Berhad, Principal Islamic Asset Management Sdn. Bhd. and UOB Asset Management (Malaysia) Berhad

Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana. Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL